



Pendekatan strategik dalam pelancongan pendidikan di destinasi ekopelancongan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Siti Kasmera Ariffin¹, Habibah Ahmad¹, Hamzah Jusoh¹, Mohd Ekhwan Toriman¹, Sri Winarni Samsir¹, Mushrifah Idris²

¹Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutuan dan Pembangunan dan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

²Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@ukm.edu.my)

Abstrak

Pelancongan pendidikan melibatkan perjalanan ke sesuatu lokasi oleh sekumpulan individu untuk tujuan membina pengalaman secara terus. Pihak berkepentingan utama yang mempunyai kaitan secara langsung dalam melaksanakan aktiviti pelancongan pendidikan adalah dari badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi swasta, komuniti tempatan serta institusi pendidikan. Makalah ini membincangkan dua objektif utama. Objektif pertama adalah mengenal pasti konsep-konsep asas pembangunan ekopelancongan. Objektif kedua ialah mengenal pasti pendekatan strategik pihak berkepentingan dalam memberi kesan positif kepada golongan pelawat di destinasi ekopelancongan. Analisis kandungan digunakan dalam menilai pendekatan pelancongan pendidikan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Hasil kajian mendapati pihak berkepentingan menjamin pengalaman pembelajaran melalui pelbagai pendekatan insitu dan menjalin hubungan baik antara pelancong dan tuan rumah. Kesimpulannya kesemua agensi mengamalkan integrasi pembelajaran sambil beriadah, serta menjalankan aktiviti motivasi diri bagi menarik minat pelancong ke destinasi.

Kata kunci: badan kerajaan, ekopelancongan, komuniti tempatan, pelancongan pendidikan, pembelajaran, pihak berkepentingan.

Strategic approaches in educational tourism in ecotourism sites in the East Coast Economic Region

Abstracts

Educational tourism involves travelling to a location or destination by a group of individuals for the purpose of learning specific experiences. Besides educational purposes, visitors enjoyed leisure and have had been attended with quality tourism services. The key stakeholders who have a direct bearing on the conduct of tourism activities are the government agencies, non-governmental and private institutions, local communities and the educational Institution. This paper discusses two main objectives. The first objective is to identify the basic concepts of educational at the ecotourism sites. The second objective is to identify the strategic approaches utilized to ensure positive learning of the sites studied. The content analysis is utilized to access the extent of the tourism educational programmes in the East Coast Economic Region (ECER). The study found that stakeholders have played significant roles in ensuring a valuable learning experience for tourists and host communities. As a conclusion, all agencies involved have adopted integrated learning experiences with leisure, as well as motivational programme to ensure tourist arrival.

Keywords: government agencies, ecotourism, local communities, tourism, educational tourism, learning, stakeholders.

Pengenalan

Pelancongan pendidikan merupakan salah satu produk yang telah lama berkembang dalam sistem pelancongan dunia. Sama ada sedar ia atau tidak pelancongan pendidikan memberikan pengalaman kepada semua lapisan umur dan latar pelancong. Program pelancongan lazimnya dianjurkan dengan melancang ke sesuatu lokasi seperti hutan lipur, taman negara, pulau dan hutan simpan, bertujuan untuk beraidah sambil mendapat pelbagai elemen pendidikan. Di Malaysia, dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan pelancongan, program pelancongan pendidikan telah diakui sebagai salah satu alat untuk meningkatkan pelancongan Negara. Pendidikan pelancongan telah dibangunkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan pada tahun 2001 (Hamzah, 2004).

Pelancongan pendidikan boleh ditakrifkan sebagai satu program berpotensi kepada pelajar untuk bergerak ke lokasi tertentu dengan tujuan memperoleh pengetahuan baru yang berkaitan dengan disiplin mereka (Bodger, 1998). Pelancongan pendidikan adalah satu proses yang meningkatkan modal sosioekonomi dan pemberian kuasa kepada pelajar dan masyarakat tuan rumah di seluruh dunia (Pittman, 2003). Begitu juga menurut kenyataan Ritchie et al. (2003) berhujah bahawa pendidikan pelancongan merupakan aktiviti yang disertai oleh peserta-peserta yang melakukan lawatan semalam. Dengan ini, peserta boleh mendapatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelancongan pendidikan. Pelancongan pendidikan turut dapat memperkayakan pengetahuan dan menaiktarafkan produk pelancong bagi industri pelancongan tempatan.

Pelancongan pendidikan mempunyai hubungan yang selari dengan pengetahuan alam sekitar. Pengetahuan alam sekitar yang tinggi akan mempengaruhi sikap terhadap ekopelancongan. Penglibatan penduduk dalam ekopelancongan boleh dirangsang melalui strategi pengurusan yang sesuai bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan alam sekitar, menggalakkan sikap positif ekopelancongan dan perancangan alam sekitar yang sistematik. Kesan positif ini dapat dibentuk apabila terdapat hubungan yang baik antara masyarakat dengan tarikan tempatan (Joshua et al., 2013).

Kajian yang dilakukan oleh David Bickford et al. (2012) menyatakan dalam mengintegrasikan pendidikan dalam ekopelancongan membantu menjelaskan kejadian spesies dan pengagihan manakala pada masa yang sama melibatkan orang ramai dalam proses saintifik. Di negara-negara membangun terutama di kawasan tropika adalah penting untuk melibatkan masyarakat yang tinggal dengan habitat spesies terancam atau kawasan perlindungan. Kawasan ini sering dijadikan tempat di mana stesen penyelidikan ditubuhkan dan ia adalah penting untuk melibatkan sebanyak mungkin penduduk setempat. Ahli-ahli sains bekerjasama dengan pertubuhan komuniti bagi membentuk program-program yang akan memberikan pengetahuan ekosistem tempatan, meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu pemuliharaan dan memberi kuasa kepada pihak yang berkepentingan dengan keupayaan untuk membuat keputusan. Pertukaran pengetahuan boleh menjadi dua hala kerana masyarakat ini mempunyai pengetahuan tentang ekosistem hutan iaitu pengetahuan tradisional mereka, pengalaman sepanjang hayat malah konflik kehidupan manusia-haiwan. Menerusi kajian ini juga kursus-kursus pembelajaran dimasukkan ke dalam kurikulum sedia ada bagi pelajar-pelajar siswazah untuk membantu mereka membangunkan kemahiran dalam pengajaran dan menterjemah maklumat sains dan tahap pengetahuan alam sekitar.

Kajian yang dijalankan oleh Heng et al. (2011) telah meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada hasrat penyertaan penduduk dalam pengurusan ekopelancongan dan mencadangkan hubungan antara struktur hasrat penyertaan mereka, pengetahuan alam sekitar, sikap terhadap ekopelancongan dan cadangan landskap pelancongan. Analisis menunjukkan pengetahuan alam sekitar penduduk yang positif memberi kesan kepada sikap terhadap ekopelancongan. Penglibatan komuniti dalam ekopelancongan dirangsang melalui a) strategi pengurusan yang sesuai bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan alam sekitar mereka, b) menggalakkan sikap ekopelancongan positif dan c) perancangan alam sekitar yang baik. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan alam sekitar sangat mempengaruhi sikap komuniti terhadap ekopelancongan, seterusnya meningkatkan minat mereka untuk mengambil bahagian dalam pengurusan ekopelancongan dan tarikan untuk landskap pelancongan.

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan peranan empat kumpulan berkepentingan sebagai kelompok penting dalam melaksanakan pelancongan pendidikan di ECER. Kumpulan ini

ialah badan kerajaan, badan bukan kerajaan atau institusi swasta, komuniti setempat dan institusi pendidikan. Oleh yang demikian, penglibatan semua pihak adalah penting dalam memastikan matlamat perlaksanaan pendidikan dalam ekopelancongan direalisasikan dengan jayanya bagi membentuk sebuah kerangka masyarakat yang bukan sahaja lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar sejagat, tetapi juga dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan alam sekitar dan berkemahiran tinggi untuk bertindak secara individu atau bersama dalam menyelesaikan isu-isu semasa berkaitan alam sekitar.

Pembangunan ekopelancongan

Pembangunan ekopelancongan menekankan kesepadan antara pertumbuhan ekonomi dengan alam sekitar. Fokus utamanya adalah untuk membaiki kualiti hidup manusia sejagat tanpa meningkatkan penggunaan sumber asli melebihi keupayaan alam sekitar semula jadi untuk membekalkannya buat selama-lamanya. Definisi pembangunan yang di canang dalam idea pembangunan ekopelancongan perlu dilihat dari perspektif komprehensif, bukan setakat mengutamakan faktor pertumbuhan ekonomi semata-mata. Sumber semula jadi mesti diangkat sebagai modal sejagat (planetary capital) yang perlu dikongsi seluruh generasi manusia sepanjang masa (Mahathir, 2005). Pembangunan ekopelancongan merupakan satu konsep kemajuan yang mengekalkan sumber alam semula jadi dan ekosistemnya supaya dapat dimanfaatkan bersama dengan generasi masa hadapan (Mariani, 2008).

Persatuan Ekopelancongan Antarabangsa (TIES 1993) mentakrifkan ekopelancongan sebagai 'perjalanan yang bertanggungjawab untuk kawasan semula jadi yang memulihara alam sekitar dan meningkatkan kebajikan rakyat tempatan. Menurut Wearing dan Neil (1999), definisi ekopelancongan harus merangkumi empat elemen asas. Elemen pertama adalah pergerakan atau perjalanan dari satu lokasi ke lokasi lain. Dalam elemen ini, perjalanan hendaklah dihadkan kepada kawasan semula jadi yang dilindungi dan tidak terganggu kerana ekopelancongan memberi tumpuan kepada kawasan semula jadi mengalami.

Elemen kedua adalah berasaskan alam semula jadi. 'Ekopelancongan adalah perjalanan ke kawasan bersifat semula jadi untuk belajar, keseronokan atau bantuan sukarela yang melibatkan dirinya dengan flora, fauna, geologi dan ekosistem sesuatu kawasan dan juga orang-orang yang tinggal berhampiran, keperluan mereka, budaya mereka dan hubungan dengan tanah itu (Swanson, 1992). Elemen ketiga yang mesti termasuk dalam takrif ekopelancongan adalah pemuliharaan. Menurut Butler (1992), ekopelancongan mempunyai potensi untuk menggalakkan pemuliharaan sumber asli dengan meningkatkan kesedaran oleh orang-orang dalam kepentingan sumber-sumber semula jadi (Butler, 1992) dan kerana itulah elemen pemuliharaan harus disertakan dalam takrif ekopelancongan.

Akhir sekali, elemen keempat dalam takrif ekopelancongan adalah peranan mendidik. Menurut Eagles dan Betters (1998), ekopelancongan menyatakan keinginan yang kuat untuk belajar tentang alam semula jadi di perjalanan mereka. Penekanan diletakkan di atas penjelasan konsep, makna dan hubungan antara fenomena semula jadi (McNeely dan Thorsell, 1989). Ekopelancongan adalah alat atau medium untuk mendidik ekopelancongan menghargai kepentingan pemuliharaan alam semula jadi dan budaya.

Prinsip utama ekopelancongan

Prinsip utama pelancong dalam ekopelancongan adalah seperti yang dikemukakan oleh Jamieson dan Noble (2000) mengikut perspektif penyampaian maklumat, menyokong integriti tempat, menguntungkan produk, memelihara sumber, menghormati tradisi dan budaya, tidak menyalahgunakan produk, mengejar kualiti bukan kuantiti dan lawatan ulangan (Rujuk jadual 1.1).

Jadual 1. Prinsip utama pelancong

Perspektif	Perincian
1. Penyampaian Maklumat	Pelancong belajar dan menambah pengalaman melalui lawatan ke tempat tarikan. Pelancong juga belajar bagaimana untuk memelihara kawasan yang dilawati di samping komuniti asal memperlihatkan nilai kawasan kepada pelawat
2. Menyokong integriti tempat	Pelancong memberi fokus terhadap ciri tempatan yang ditonjolkan termasuk seni bina, makanan, warisan, estetika dan ekologi. Masyarakat tempatan peroleh keuntungan dari nilai positif terhadap tempat mereka.
3. Menguntungkan komuniti	Perniagaan berdasarkan ekopelancongan mengambil dan melatih pekerja tempatan, membeli produk tempatan dan menggunakan perkhidmatan ditawarkan pihak tempatan.
4. Memelihara sumber	Pelancong lebih berminat terhadap perniagaan yang mesra alam seperti mengurangkan pencemaran, mengurangkan penggunaan tenaga, air, bahan buangan serta landskap semula jadi
5. Menghormati tradisi dan budaya	Pelancong luar belajar dan memerhati etika dan bahasa tempatan. Masyarakat tempatan menghargai dan memenuhi keperluan pelancong.
6. Tidak menyalahgunakan produk	Pengurusan meletakkan had dan alat pengurusan bagi mengawal tekanan pembangunan. Perniagaan berkoperasi bagi mengekalkan habitat semula jadi, tapak warisan, pemandangan indah dan kebudayaan tempatan.
7. Mengejar kualiti bukan kuantiti	Faktor kejayaan bagi pelancongan tertakluk kepada jangka masa lawatan pelancong, jumlah dibelanjakan dan pengalaman yang berkualiti yang diperoleh dan bukannya terletak pada jumlah pelancong semata-mata.
8. Lawatan ulangan	Pelancong yang berpuas hati dan bersemangat akan menyebarkan ilmu dan pengalaman diperoleh kepada ahli sekeluarga dan rakan-rakan bagi memperoleh pengalaman yang sama. Hal ini akan menjadikan hidup perniagaan yang berterusan di sesuatu lokasi pelancongan

Sumber: Jamieson dan Noble 2000

Pembangunan ekopelancongan memerlukan kerjasama semua pihak ini termasuk pihak kerajaan, pihak swasta, orang berkepentingan dan komuniti setempat. Hal ini penting mengenal pasti petunjuk utama pembangunan ekopelancongan seperti yang dinyatakan oleh Dymond (1997), seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Menurut Fatimah dan Fauziah (2007), ekopelancongan menjurus kepada pembangunan ekopelancongan yang dapat meminimumkan tapak dan perspektif ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ia juga menunjukkan bahawa prinsip asas berikut disanjung seperti memaksimumkan sumber persekitaran sambil memelihara biodiversiti dan khazanah semula jadi, mengawal proses ekologi, menghormati ciri-ciri autentik atau unik komuniti asal, menerapkan toleransi, memelihara warisan kebudayaan dan nilai tradisional serta fahaman antara budaya dan akhir sekali memastikan pelaksanaan jangka panjang dalam operasi pelancongan ang memberikan peluang pekerjaan, menghapus kemiskinan dan mengurang kesaksamaan sosial serta meningkatkan perkhidmatan sosial kepada komuniti asal.

Jadual 2. Petunjuk Utama

Petunjuk utama	Perincian Ukuran	Bidang Petunjuk
1. Penjagaan tapak	Kategori penjagaan tapak yang mengikut indek “ <i>Internasional Union for the Conservation of Nature and Natural Resources</i> (IUCN)	Ekologi
2. Tekanan	Jumlah pelancong ke lokasi (tahunan dan bulanan)	Ekologi
3. Kegunaan intensif	Kegunaan secara intensif pada tempoh tertinggi (jumlah pelawat per hektar)	Ekologi
4. Pengurusan bahan buangan	Peratusan bahan buangan yang dihantar ke tapak pelupusan (Petunjuk tambahan seperti bekalan air juga boleh digunakan)	Ekologi
5. Ekosistem yang kritikal	Jumlah spesis yang unik, lupsus dan bakal lupsus di kawasan	Ekologi
6. Impak sosial	Nisbah jumlah kedatangan pelancong dengan komuniti tempatan (semasa tempoh tertinggi da tempoh selepasnya)	Sosial
7. Kepuasan komuniti tempatan	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh komuniti tempatan (menggunakan borang kaji selidik)	Ekonomi
8. Kawalan pembangunan	Menggunakan prosedur rujukan persekitaran atau kawalan formal terhadap pembangunan pada tapak dan kepadatan	Perancangan
9. Proses perancangan	Menggunakan pelan perancangan wilayah yang telah dirancang untuk kawasan termasuk perancangan pelancongan	Perancangan
10. Kepuasan penggunaan (pelancong)	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh pelancong (menggunakan bincian kaji selidik)	Ekonomi
11. Sumbangan kepada ekonomi tempatan	Bahagian sumbangan daripada jumlah keseluruhan ekonomi yang diperoleh dari industri pelancongan.	Ekonomi

Sumber: Dymond 1997

Metodologi dan kawasan kajian

Kajian ini menggunakan data yang dianalisis daripada sumber sekunder. Data sekunder telah dikumpulkan daripada dokumen kerajaan, blog, website, rancangan pelancongan dan penerbitan ilmiah yang memberikan maklumat mengenai peranan pihak berkepentingan. Skop kajian adalah mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam usaha menerapkan pembelajaran pelancongan di destinasi ekopelancongan. Pemilihan lokasi kawasan kajian adalah di tapak ekopelancongan ECER yang menawarkan pembelajaran dan pendidikan kepada pelancong dan komuniti tempatan.

Hasil kajian dan perbincangan

Peranan pihak berkepentingan dalam pelancongan pendidikan

Pihak berkepentingan dalam destinasi pelancongan boleh merujuk kepada pelancong (kerana permintaan), industri (sebagai pembekal) dan tuan rumah (masyarakat setempat dan persekitaran) (Pavlovich, 2003). Mereka juga boleh merujuk kepada sektor iaitu sektor perniagaan, sektor bukan keuntungan dan sektor awam (Gunn, 1994). Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO), pihak-pihak berkepentingan dalam pembangunan pelancongan mampan dibahagikan kepada tiga kategori: industri pelancongan, sokongan alam sekitar dan masyarakat tempatan / kerajaan (Timur, 2012). WTO juga menggariskan peranan industri pelancongan untuk mewujudkan peluang perniagaan, pekerjaan, pendapatan dan pertukaran mata wang asing melalui penyediaan perkhidmatan pelancongan (termasuk pengangkutan, penginapan, makanan dan minuman). Sementara itu, peranan persekitaran adalah untuk menarik pelancong untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti berdasarkan budaya tempatan, alam semula jadi, seni bina (buatan manusia). Akhirnya, masyarakat / kerajaan tempatan (termasuk penduduk dan perniagaan tempatan, badan-badan dan persatuan) fungsi untuk membuat keputusan (Timur, 2012). Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pihak yang berkepentingan mempunyai peranan masing-masing dalam membentuk pelancongan yang berterusan. Dalam hal ini, pihak yang berkepentingan juga boleh digunakan untuk mewujudkan destinasi pelancongan pendidikan di mana elemen dalam model pembangunan pelancongan yang mampan merupakan subsektor yang merangkumi persediaan dalam aspek hubungan ruang, aktiviti dan produk.

Dalam satu kajian oleh Ritchie dan Crouch (2003), pihak-pihak berkepentingan dalam destinasi pelancongan dikelaskan sebagai pembekal dan industri sokongan, pengantara pemasaran dan fasilitator, orang awam dan tempatan dan juga pelancong asing. Pembekal berfungsi untuk menyediakan semua unsur-unsur yang diperlukan berdasarkan keperluan pelancong. Selaras dengan ini, pembekal akan memenuhi aspek ruang, aktiviti dan produk di destinasi pelancongan untuk memenuhi kepuasan dan pengalaman pelancong. Semasa proses ini, pembekal mesti sentiasa peka dengan harga, kualiti perkhidmatan, pilihan pelancong, keunikan dan inovasi produk yang ditawarkan. Tambahan pula, Ritchie dan Crouch (2003) menekankan hubungan rapat antara pembekal dan perantara pemasaran serta fasilitator. Ini kerana pengantara pemasaran berfungsi sebagai orang tengah antara pembekal dan pelancong (pelanggan). Contoh perantara pemasaran adalah ejen pelancongan. Ejen pelancongan memaklumkan pelancong mengenai aktiviti, ruang dan aktiviti yang ditawarkan oleh pembekal di destinasi pelancongan yang diberikan. Maklumat ini biasanya terdapat dalam pakej, yang pelancong akan mempertimbangkannya dari segi memenuhi potensinya dan pengalaman, atau dia sedang mencari. Selepas itu, pelancong akan membuat keputusan berdasarkan ruang, aktiviti dan produk yang dipersetujui oleh kedua-dua pelancong dan perantara pemasaran.

Antara pengantara pemasaran dalam industri pelancongan menurut Ritchie dan Crouch (2003) adalah saluran khusus termasuk firma pelancongan, syarikat pelancongan, konvensyen dan mesyuarat perancang. Fasilitator yang berfungsi sebagai pembantu dalam melancarkan industri pelancongan seperti maklumat pengurusan (agensi pengiklanan, internet, majalah dan penerbitan akbar), sumber kewangan (kad kredit, pertukaran mata wang asing) dan peningkatan maklumat (perunding pelancongan, diplomat, Internet).

Di samping itu, Ritchie dan Crouch (2003) menekankan peranan pelanggan dan orang ramai sebagai pihak berkepentingan dalam destinasi ekopelancongan. Pelanggan dalam hal ini merujuk kepada pelancong sendiri, supaya orang ramai merujuk kepada penduduk tempatan, sektor awam dan sektor swasta. Tidak dapat dinafikan, kedua-dua sektor awam dan sektor swasta memainkan peranan yang berbeza di destinasi pelancongan. Ini disokong oleh Pearce (1989) yang menyatakan bahawa penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelancong pendidikan. Penyediaan itu biasanya dikendalikan oleh sektor swasta manakala sektor awam bertanggungjawab dalam pembangunan dan menentukan kawalan atau had perkembangan.

Peranan badan kerajaan

Agensi pelaksana, khususnya Kementerian pelancongan, Majlis Daerah dan pelbagai agensi peringkat kebangsaan dan negeri merupakan kumpulan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar kerajaan (Jadual 3). Walaupun mereka telah mendapat mandat untuk melaksanakan projek pembangunan sektor, gagasan pendidikan pelancongan memerlukan mereka yang bekerja sebagai sebuah pasukan dan setiap yang lain agar hasil pelaksanaan dasar adalah hasil yang dilakukan secara bersama.

Jadual 3. Peranan Agensi Pelaksana

Agensi	Tempat	Aktiviti	Elemen Pendidikan
WWF-Malaysia	Tanah Benchah Setiu	Bengkel sehari yang diadakan sempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia, memberi fokus kepada penglibatan komuniti Setiu.	<ul style="list-style-type: none"> - Pemuliharaan ekosistem Setiu - Penghayatan ekologi dan alam semulajadi dapat dijadikan faktor pelengkap bagi usaha pemuliharaan yang dijalankan. - Pengetahuan dan kesedaran mengenai Tanah Benchah Setiu seterusnya mendapatkan sokongan untuk usaha pemuliharaan dan pewartaan lokasi ini sebagai Taman Negeri Terengganu yang pertama
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), agensi swasta, penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dan pelajar sekolah.	Taman Negara Kuala Tahan	<ul style="list-style-type: none"> - Sambutan Hari Tapir Sedunia - Pameran tapir dan hidupan liar serta alam sekitar - Pertandingan mewarna - Forum tapir - Sesi bersama tapir di Mutiara Taman Negara. 	<ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan komitmen rakyat untuk memulihara spesies hidupan liar itu supaya tidak pupus. - Program itu diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman dihadapi oleh tapir dan kepentingan pemeliharaannya. - Pihaknya dengan kerjasama beberapa pihak terlibat dan masyarakat sekitar akan meneruskan usaha pemuliharaan berkenaan sebagai sumber biodiversiti dan menyelamatkan spesies haiwan yang jarang ditemui dan terancam.
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	Taman Negara Kuala Koh	<ul style="list-style-type: none"> - Pemerhatian Burung - Memancing - Rintis Hutan - Berkayak - Titan Kanopi 	Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan khazanah alam yang tidak ternilai di Taman Negara Kuala Koh yang dikendalikan bersama Kementerian Pelajaran Malaysia.
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Tasik Kenyir	Memperkenalkan pelbagai spesis burung sebagai destinasi utama untuk aktiviti memerhati pelbagai jenis burung.	<ul style="list-style-type: none"> - Para peserta berpeluang untuk menghayati keindahan alam semula jadi di sekitar laluan berkayak, selain mengenali lebih dekat kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijalankan di perkampungan tradisional di pinggir sungai. - Ia pasti memberikan peserta dan pelancong satu pengalaman baru kerana bukan hanya seekor kunang-kunang yang akan ditemui, malah berbil-bilu ekor kunang-kunang menjadikan pekat kegelapan malam berseri dan bercahaya.

Sumber: analisis kajian, 2016

Pengintegrasian pendidikan dalam ekopelancongan yang disasarkan kepada kelompok ini membolehkan mereka menghayati kepentingan berkongsi kuasa, menyelaras pembangunan kawasan kajian dan percaya membuat keputusan secara berpasukan (co-management), iaitu satu pendekatan terbaik untuk mencapai pembangunan lestari.

Program Pelancongan Pelajar (3P) dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia bersama-sama dengan Menteri Pendidikan Malaysia pada 24 Februari 2001. Program itu diadakan dengan matlamat untuk:

1. Menyemarakkan aktiviti pelancongan domestik dengan memupuk budaya melancong dalam negara sendiri di kalangan pelajar terutamanya ke tempat-tempat bersejarah; kebudayaan, eko-pelancongan dan lain-lain.
2. Menghindari gejala-gejala sosial yang semakin popular di kalangan pelajar pada masa kini dengan menggalakkan pengisian masa lapang secara bijak dan berfaedah.
3. Mewujudkan perpaduan serta meningkatkan integrasi kaum di kalangan generasi muda melalui aktiviti-aktiviti pelancongan dan pengembalaan yang terancang dan teratur bagi mengeratkan hubungan dan interaksi antara pelajar berbilang kaum.

Peranan badan bukan kerajaan dan institusi swasta

Begitu juga dengan sektor swasta turut memainkan peranan penting dalam penyediaan ruang, aktiviti dan produk walaupun ia lebih tertumpu kepada pembangunan berorientasikan keuntungan. Jadual 4 menunjukkan peranan badan bukan kerajaan dan institusi swasta. Pengusaha hotel dan resort merupakan kumpulan yang mewakili agensi swasta yang utama dan paling berpengaruh dalam ekopelancongan. Fahaman mengenai dan penglibatan kumpulan ini dalam pembangunan ekopelancongan boleh menjadi penentu kejayaan gagasan ekopelancongan lestari. Pemandu pelancong pula merupakan kelompok yang sangat berpengaruh untuk mendidik para pelancong mengenai keistimewaan dan kepelbagaiannya sumber warisan kawasan ekopelancongan.

Kajian Ballantyne et al. (2009) pula menyatakan pengurus dan pemandu pelancong sememangnya mengetahui peranan mereka dalam melindungi hidupan liar dan habitatnya. Namun begitu mereka kurang mengetahui tentang kepentingan, keperluan dan cita rasa pelancong. Amalan-amalan pengurusan yang berjaya mewujudkan keseimbangan antara keperluan pemuliharaan alam sekitar dan kehendak pengunjung. Pengalaman mendekati hidupan liar dengan interpretasi dan garis panduan yang jelas membolehkan pelancong meningkatkan pengetahuan dan mempengaruhi tingkah laku mereka untuk jangka masa panjang. Jika pengurusan pelancongan berusaha untuk memahami keperluan, motif dan harapan pengunjung, maka tiada konflik antara keperluan pelancong dengan pemuliharaan hidupan liar.

Jadual 4. Peranan Badan Bukan Kerajaan dan Institusi Swasta

Agensi	Tempat	Aktiviti	Elemen Pendidikan
Persatuan Kembara Negara (PKN)	Taman Negeri Gunung Stong	- Mendaki Gunung - Menjelajah Gua - Tempat menarik boleh dilawati di sekitar <i>Baha's Camp</i>	- Menikmati panorama matahari terbit dari puncak air Terjun Jelawang - Memupuk semangat kerjasama apabila merentasi danau yang mencabar - Dapat mengenali ratusan jenis orkid - Formasi di dalam gua seperti straw, stalagtit, stalagmit, column, flowstone, scalouping, goupool, pillar dan skylight memberi pengalaman paling sukar ditemui oleh pendaki.

Petronas Chemicals Group Bhd (PCG) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)	Kemaman	- Pusat Pendidikan Alam Sekitar ecoCare (EEC)	- Pusat tersebut akan mengetengahkan penjagaan alam sekitar dan pemuliharaan hutan paya bakau di sepanjang Sungai Kerteh. - Memperkenalkan konservasi, penyelidikan dan kesedaran untuk melindungi warisan alam semula jadi.
Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Cawangan Terengganu	Tasik Kenyir	- Kempen <i>Earth Hour</i>	- Melahirkan komuniti yang berfikir secara mampan pelancongan. - Mengenal pasti destinasi atau kawasan untuk melihat pelbagai spesis burung dan menikmati keindahan alam semula jadi di kenyir. - Pelajar-pelajar dan pensyarah IPTA dan IPTS dapat mengenali dengan lebih mendalam mengenai spesis burung yang terdapat di Tasik Kenyir.
Nestle dengan kerjasama WWF Malaysia	Tanah Benchah Setiu	- Menanam semula pokok bakau bersama wanita-wanita PEWANIS.	- Memperkasa masyarakat tempatan, khususnya kaum wanita, dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembangunan mampan yang kan meningkatkan pendapatan mereka. Wanita-wanita ini juga digalakkan untuk menerajui aktiviti-aktiviti kesedaran pemuliharaan dan seterusnya menjadi penjaga-penjaga alam sekitar kawasan tersebut
Tasik Chini Resort	Tasik Chini	- Aktiviti air melibatkan kayak dan bagi kaki pancing	- Menguji kepakaran mereka menaikkan pelbagai spesies ikan air tawar di tasik tersebut.
1Malaysia For Youth (1M4U) dan Saset1Youth.	Taman Negara Kuala Tahan	Sukarelawan itu berpeluang bergiat secara aktif menerusi program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun	Melatih dan mendidik sukarelawan untuk memulihara alam sekitar dan penghijauan bumi.

Sumber: analisis kajian, 2016

Peranan komuniti tempatan

Kelompok sasaran utama untuk menjayakan konsep pendidikan dalam ekopelancongan adalah komuniti tempatan. Tidak seperti kebanyakan kawasan pemuliharaan dan perlindungan, komuniti tempatan merupakan sebahagian daripada komponen asas pendidikan pelancongan. Oleh itu, pendidikan pelancongan kepada kumpulan ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka mengenai kepentingan pemuliharaan sumber alam semula jadi dan usaha yang terdapat di sekitar penempatan mereka.

Thongma et al. (2011) menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat setempat memainkan peranan penting kepada kejayaan pembangunan pelancongan luar bandar. Hal ini kerana komuniti ini membina hubungan yang lebih baik dengan pelancong dan sekali gus menarik perhatian pengunjung dengan aktiviti kebudayaan tempatan. Oleh yang demikian,

setelah mempunyai pengalaman yang menyeronokkan semasa mereka aktiviti lawatan, pelawat melahirkan rasa puas hati dan lebih cenderung untuk mengadakan lawatan ulangan di destinasi yang sama (Lo et al., 2013). Tambahan pula, penyertaan masyarakat memberi peluang kepada mereka untuk menikmati faedah pembangunan dan memberi kuasa untuk menggerakkan keupayaan melalui usaha perniagaan kecil (Mei-Ling et al. 2014). Oleh itu, penyertaan masyarakat tempatan dalam pelancongan luar bandar adalah satu kuasa positif untuk perubahan dan pemangkin kepada pembangunan (Claiborne, 2010).

Jadual 5. Peranan Komuniti Tempatan

Destinasi	Aktiviti	Elemen Pendidikan
Tanah Bencah Setiu	<ul style="list-style-type: none"> - Kaki pancing misalnya boleh menyewa bot nelayan dari tekong yang mengambil upah mengendali bot dan membantu mencari lubuk pancing sama ada di Sungai Setiu, persisiran pantai mahupun lautan dalam. - Aktiviti pelayaran persiaran ('river cruise') untuk diperkenalkan di Sungai Setiu kepada pencinta alam. - Pendedahan mengenai kelip-kelip dan Tanah Bencah Setiu kepada peserta-peserta yang kebanyakannya berasal dari kawasan Setiu 	<ul style="list-style-type: none"> - Menikmati keindahan panorama dan memerhati hidupan liar di habitat semula jadi. - Melalui penglibatan pelbagai pihak dalam program ini diharapkan dapat membantu masyarakat untuk menghargai warisan yang ada di Setiu untuk generasi akan datang, seterusnya memastikan Tanah Bencah Setiu terus dilindungi. - Mewujudkan kesungguhan pihak masyarakat untuk memulihara alam semulajadi dan pada masa yang sama menjana pendapatan daripada sumber-sumber alam - Membentuk suatu sinergi dalam pembangunan berpenglibatan.
Tasik Chini	<ul style="list-style-type: none"> - Stakeholders boleh bekerjasama dengan komuniti tempatan melibatkan diri dalam aktiviti/program/projek pembangunan Rizab Biosfera 	
Tasik Kenyir	<ul style="list-style-type: none"> - Penglibatan masyarakat bumiputera dibangunkan sebagai sebuah eko pelancongan untuk industri walit atau 'Kenyir Eco Walit Park' 	<ul style="list-style-type: none"> - Membuka minda dan turut terlibat dalam industri yang sangat berpotensi ini.

Sumber: analisis kajian, 2016

Peranan institusi pendidikan

Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pelajaran Malaysia bersama-sama melancarkan Program Pelancongan Pelajar atau 3P pada tahun 2001. Objektif program ini untuk menggalakkan aktiviti pelancongan dalam negeri, memupuk budaya melancong dalam kalangan pelajar, mengurangkan masalah sosial dan menggalakkan integriti kaum dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini. Dalam mencapai matlamat ini, Kementerian Pendidikan menggalakkan penubuhan Kelab pelancongan sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

Penubuhan Kelab-kelab Pelancongan Sekolah di seluruh negara adalah tertakluk kepada Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 dengan menyasarkan penyertaan daripada para pelajar di peringkat rendah dan menengah. Bagi melaksanakannya, Jabatan Pendidikan Negeri (Unit Pelancongan, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan) telah diberi tanggungjawab menyelaras program tersebut di peringkat negeri. Unit itu berfungsi sebagai penyampai maklumat berkaitan program pelancongan ke sekolah-sekolah melalui Pejabat Pendidikan Daerah atau Bahagian. Di peringkat sekolah, kelab itu dipengerusikan oleh Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) atau Penolong Kanan (Kokurikulum). Program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi di ECER ditunjukkan dalam jadual 6. Sementara itu Jadual 7 merumuskan peranan strategik pelbagai pihak berkepentingan dalam membangunkan pelancongan pendidikan di wilayah ini.

Jadual 6. Peranan Institusi Pendidikan

Institusi Pendidikan	Destinasi	Aktiviti	Elemen Pendidikan
Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC)	Tasik Chini	<ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat mengenai pengurusan tasik bersepadu kepada masyarakat. 	<ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan kajian saintifik dan kerja lapangan pengajaran mengenai kepelbagaiannya biologi, fungsi ekosistem dan pengurusan tasik bersepadu - Meningkatkan kepakaran, pengetahuan dan menjana pengalaman semasa menjalankan aktiviti kajian di lapangan secara teratur dan berkesan. - Menyepadan pendekatan – pendekatan baru dalam penyelidikan dalam kepelbagaiannya biologi, fungsi ekosistem, pengurusan tasik pada tahap kebangsaan dan antarabangsa - Membangunkan PPTC ke arah penyelidikan sains yang terunggul dan pusat pendidikan selaras dengan aspirasi UKM
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Tasik Kenyir	<ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan Tasik Kenyir sebagai Geopark Kebangsaan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Penyelidikan yang dijalankan UMT - Pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah alam semula jadi
Sekolah Kebangsaan Seri Berang	Pulau Redang	<ul style="list-style-type: none"> - Mengapungkan diri di permukaan laut 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi pendidikan alam sekitar kepada anggota perkhemanan. - Membentuk keyakinan diri ketika berada di permukaan air - Memberi impak kesedaran yang tinggi dalam kalangan warga perkhemanan yang terlibat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
Pelajar empat buah sekolah beserta lapan orang guru pengiring sekitar Felda Chini	Tasik Chini	<ul style="list-style-type: none"> - Penyertaan Pelajar Dalam Program Kembara Tasik Chini 	<ul style="list-style-type: none"> - Mendedahkan peserta kepada kehidupan flora dan fauna yang terdapat di kawasan sekitar Tasik Chini. Mereka telah diberi tunjuk ajar berkaitan teknik mengenali jenis tumbuhan, serangga serta haiwan yang liar.

Sumber: analisis kajian, 2016

Jadual 7. Peranan Utama Agensi Pelaksana dalam Pelancongan Pendidikan

Agenzia Pelaksana	Badan Pelaksana	Peranan	Matlamat
Badan Kerajaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) 2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 3. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FFRIM) 4. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan 5. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) 6. Unit Perancang Ekonomi Negeri 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik 2. Mengiklankan negara kita pada dinding 60 buah bas di kota London 3. Menggubal Dasar Alam Sekitar Kerajaan Negeri selaras dengan Dasar Alam Sekitar Kebangsaan di tapak ekopelancongan 4. Memastikan semua pembuat keputusan di sektor awam dan swasta, pengguna-pengguna sumber, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam mempunyai komitmen tertinggi terhadap pendidikan di tapak ekopelancongan 5. Mengemaskinikan bahan-bahan cetakan terutama sekali risalah tentang penggalakan dan keterangan seperti ‘Pengembalaan yang Mempesonakan’ 6. Berhubung dengan para pengarang panduan, satu sumber maklumat bagi ekopelancongan 7. Mewujudkan gambaran yang Malaysia ingin memaparkan mengenai barang yang berasaskan alam semula jadi dan ekopelancongan, sama ada untuk mempelopori taraf dan peraturan baru bagi ekopelancongan atau hanya bergantung kepada tarikan fotogenik taman-taman negara dan hidupan liar 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi pendedahan kepada para pelajar tentang industri pelancongan. 2. Menambah kefahaman di kalangan pelajar tentang komponen-komponen yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan industri pelancongan di Malaysia. 3. Memberi peluang kepada pelajar untuk mengurus serta mengatur segala aktiviti lawatan dan perjalanan keluar yang dirancang oleh persatuan/kelab di sebuah sekolah melalui Kelab Pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat pelancongan setempat. 4. Menyediakan program dan aktiviti yang sihat kepada pelajar. 5. Merapatkan hubungan interaksi di antara pelajar berbilang kaum dengan mengadakan program lawatan pelancongan yang khusus. 6. Memberi penjelasan berkaitan peluang-peluang pekerjaan dan juga perniagaan yang terdapat di dalam industri pelancongan.
Badan Bukan Kerajaan dan Institusi Swasta	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sahabat Alam Malaysia 2. Persatuan Pemandu-Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Malaysia (Managa) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan sumbangan korporat kepada usaha pemuliharaan bukan keuntungan serta kawasan pelindungan tempatan melalui derma langsung korporat, perkongsian, bantuan teknik, rancangan pendidikan, publisiti, kemudahan, penglibatan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan kerjasama di antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berwibawa dengan badan korporat besar untuk pendanaan, pembinaan keupayaan dan pengurusan persepsi positif 2. Menanam dan

	3. Persatuan Pencinta Alam Malaysia	langsung kakitangan dan melibatkan diri dalam usaha bersama.	meningkatkan kesedaran, pendidikan dan latihan untuk orang awam, pelancong dan industri.
Komuniti tempatan	1. Persatuan Penduduk Kampung 2. Jawatankuasa Kemajuan Kampung	1. Mempertingkatkan latihan kakitangan pelancongan untuk memastikan pengalaman pelancong yang bermutu 2. Mempertingkatkan keselamatan pelancong 3. Menawarkan kegiatan kebudayaan, jalan keluar masuk, rumah, perkhidmatan elektrik yang berterusan 4. Mengingatkan para penduduk supaya menjaga kebersihan 5. Mengadakan lebih banyak kegiatan untuk pelancong	1. Penglibatan tempatan dan penghasilan faedah ekonomi diiktiraf sebagai penting untuk kejayaan projek ekopelancongan jangka panjang. Percubaan untuk pembaharuan telah dibuat beberapa kali untuk melibatkan penduduk setempat dalam projek ekopelancongan dan pemuliharaan. 2. Ekopelancongan yang berjaya memerlukan pewujudan dan penglibatan para pemegang amanah harta tempatan (individu dan masyarakat) serta satu penekanan terhadap pelaburan, kawalan dan membuat keputusan di peringkat tempatan.
Sekolah	1. Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) atau Penolong Kanan (Kokurikulum) 2. Pejabat Pendidikan Daerah 3. Kelab-kelab Pelancongan 4. Jabatan Pendidikan Negeri (Unit Pelancongan, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan)	1. Mengadakan program mengenali tempat-tempat tarikan pelancong dengan menganjurkan lawatan sambil belajar ke tempat berkenaan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pelajar-pelajar serta menjalankan aktiviti pelancongan semasa musim cuti secara terancang dan tersusun melalui kerjasama dengan agensi-agensi pelancongan. 2. Mengadakan lawatan ke muzium dan ke tempat-tempat yang bersejarah bagi menggalakkan pelajar mengenal sejarah dan warisan bangsa dan negara 3. Mengadakan kempen kesedaran ‘Pelancongan dan Pelajar’ bagi memupuk budaya melancong di kalangan pelajar sekolah 4. Mengadakan program seperti kursus, bengkel atau seminar	1. Dapat mengambil berat dan sokong rancangan-rancangan yang berdasarkan pemuliharaan dan pertubuhan-pertubuhan yang bekerja ke arah memelihara alam sekitar 2. Menggalakkan pelajar untuk menimba ilmu secara berterusan melalui kaedah pendidikan secara lawatan. 3. Memupuk semangat cintakan tanah air di kalangan pelajar. 4. Memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali tempat-tempat menarik dalam negeri, khususnya tempat bersejarah, kebudayaan, ekopelancongan dan lain-lain yang dapat meningkatkan mutu pembelajaran mereka. 5. Pendedahan tentang program pekerjaan dalam pelancongan semasa musim

kesedaran yang khusus secara cuti sekolah.
berkala bagi mendapat
pendedahan dalam industri
pelancongan

Sumber: analisis kajian, 2016

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelancongan pendidikan dilaksanakan dalam pembangunan ekopelancongan secara bersungguh-sungguh oleh semua pihak berkepentingan. Walaupun pendekatan yang dilaksanakan adalah berbeza-beza, namun ia memperlihatkan inisiatif yang berkesan bagi memberikan kepuasan pengalaman pembelajaran kepada pelancong.

Dari kategori agensi pelaksana, menerusi program yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, para pelajar dapat meningkatkan tahap kesedaran tentang industri pelancongan, memupuk semangat cintakan tanah air, memupuk budaya melancong di kalangan pelajar, menghindari masalah sosial dan yang amat penting mewujudkan perpaduan dan mengeratkan integrasi kaum. Kementerian Pelancongan menyeru para pelajar mengambil kesempatan untuk menimba lebih banyak pengalaman dan pengetahuan menerusi program 3P itu kerana ia merupakan saluran paling mudah bagi mereka mempelajari perbezaan budaya, kepercayaan, bahasa, kemajuan dan adat istiadat antara satu sama lain. Promosi perlu giat dijalankan bagi menambah bilangan pelancong yang datang ke destinasi ekopelancongan. Promosi perlu digiatkan lagi dengan mengemas kini maklumat di laman sesawang rasmi pihak berwajib. Promosi yang hebat daripada pihak kerajaan ini akan merancakkan lagi industri pelancongan pendidikan setanding dengan industri pelancongan yang lain.

Pengusaha hotel juga memainkan peranan dalam memberi ilmu kepada pemandu pelancong. Inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan pemandu pelancongan yang berilmu serta berkaliber serta boleh mencerahkan ilmu-ilmu yang dimiliki kepada pelancong yang datang. Pembangunan pelancongan yang dijalankan seharusnya tidak mengetepikan komuniti tempatan. Mereka wajar diberi peluang untuk terlibat sama dalam memajukan ekopelancongan di ECER. Kerjasama antara Pemegang taruh dengan komuniti tempatan dalam aktiviti/program/projek pembangunan pelancongan dapat membuka minda peserta untuk memajukan sektor pelancongan negara.

Di peringkat sekolah pula, Kelab Pelancongan secara khususnya dapat meningkatkan pengetahuan pe;ajar dalam industri pelancongan dan juga mendedahkan mereka kepada destinasi pelancongan di Negara ini. Tumpuan diberikan kepada komuniti sekolah, khususnya pelajar dan guru kerana sekolah merupakan institusi pendidikan yang menjadi teras pembangunan modal insan dan komuniti tempatan generasi akan datang. Apabila pihak guru mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai ekopelancongan dan pemuliharaan sumber semula jadi, mereka akan merancang pelbagai aktiviti formal dan informal untuk pelajarnya melibatkan diri dalam pelancongan pendidikan. Pelajar pula boleh menjadi agen perubahan komuniti yang paling berkesan dalam menjayakan perubahan kefahaman mereka ke arah ekopelancongan lestari. Kerjasama antara pihak berkepentingan, iaitu badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi swasta, komuniti tempatan dan institusi pendidikan harus seiring dalam merancakkan industri pelancongan pendidikan negara ini.

Rujukan

- Ballantyne R, Packer J, Hughes K (2009) Tourists' support for conservation messages and sustainable management practices in wildlife tourism experiences. *Tourism Management* 30, 658-664.
- Bodger, D. (1998). Leisure, learning, and travel. *Journal of Physical Education Recreation & Dance*, 69(4), 28-31.
- Butler RW, Moa B (1992) Tourism Between Quasai-State: Internasional, Domestic or What? In Butler, RW & Pearce DG. (Eds.). *Change in Tourism: People, Places, Process*. Londin: Routledge 99-113.

- Claiborne C (2010) Community participation in tourism development and the value of social capital—The case of Bastimentos, Bocas del Toro, Panamá (Master's thesis, University of Gothenburg, Gothenburg, Sweden).
- Dymond SJ (1997) Indicators of Sustainable Tourism in New Zealand: A Local Government Perspective. *Journal of Sustainable Tourism* **5**(4).
- Fatimah Hassan, Fauziah Che Leh (1997) *Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak: Satu Analisis oleh Dr. Bahagian Geografi*, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM, Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UPSI.
- Hamzah A (2004) *Policy and planning of the tourism industry in Malaysia*. The 6th ADRF general meeting, Bangkok, Thailand.
- Jamieson W, Noble A (2000) A Manual for Sustainable Tourism Destination Management. CUC-UEM Project, AIT.
- Joshua OW, Patrick OH, Pius OO, Fredrick ZAO (2013) *The Nexus between environmental knowledge and ecotourism attitude among the local youths in Co-educational Secondary Schools in Bondo Sub-County*, Siaya County, Kenya.
- Gunn CA. 1994 *Tourism Planning (3rd Edition)*. London: Taylor and Francis.
- Lo MC, Songan P, Mohamad AA, Yeo AW (2013). Rural tourism and destination image: Community perception in tourism planning. *The Macro-theme review*, **2**(1), 102-118.
- Mahathir Mohamed (2005) Rencana. *Berita Harian*, 2 April:10
- Mariani Bte Hambug (2008) *Kesedaran Pembangunan Lestari di peringkat Awal Kanak kanak*. Universiti Teknologi MARA.
- May-Ling S, Ramachandran S, Shuib A, Afandi SHM (2014). Barriers to community participation in rural tourism: A case study of the communities of Semporna, Sabah, Malaysia. *Life Science Journal*, **11**(11), 837–841.
- Pavlovich K (2003) The Evaluation and Transformation of a Tourism Destination Network. The Waitomo Caves, New Zealand. *Tourism Management* **24**, 203-216.
- Pittman J (2003) Empowering individuals, schools, and communities. In: Solomon G, Allen N, Resta P (Eds), *Toward digital equity: Bridging the divide in education*.
- Ritchie JRB, Crouch GI (2003) *The Competitive Destination: A Sustainable Tourism Perspective*. United Kingdom: CABI International.
- Timur S (2012) Analysing Urban Tourism Stakeholder Relationship: A network Perspective.
- Thongma W, Leelapattana W, Hung JT (2011) Tourists' satisfaction towards tourism activities management of Maesa community, Pongyang sub-district, Maerim district, Chiang Mai province, Thailand. *Asian Tourism Management*, **2**(1), 86–94.